



Good food, Good life

## **PERADUAN MAKAN NESTLÉ ICE CREAM & MENANG SETIAP MINGGU SOALAN LAZIM**

### **S1: Bagaimana untuk menyertai?**

J: **LANGKAH 1:** Beli produk NESTLÉ ICE CREAM yang turut serta bernilai RM6 dan ke atas dalam satu resit asal dari mana-mana outlet di dalam kedai dan/atau tangkapan skrin invois dan/atau pesanan dari mana-mana platform dalam talian semasa Tempoh Promosi.

RM6 akan diberi 1 Nombor Bersiri.

Setiap resit/invois original terhad kepada 30 Nombor Bersiri.

#### Contoh:

Bagi setiap pembelian produk NESTLÉ ICE CREAM yang turut serta dalam satu resit/invois dalam Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan:

- (a) RM6.50 bagi produk NESTLÉ ICE CREAM yang turut serta = 1 nombor bersiri
- (b) RM60.00 bagi produk NESTLÉ ICE CREAM yang turut serta = 10 nombor bersiri
- (c) RM200.00 bagi produk NESTLÉ ICE CREAM yang turut serta = 30 nombor bersiri

Untuk senarai produk NESTLÉ ICE CREAM yang turut serta, sila lawati laman web Promosi:  
<http://dearnestle.com.my/eat-nestle-ice-cream-and-win-every-week-contest>

*Kami hanya akan menerima resit bercetak/invois original yang bertarikh dari 15/01/2024 sehingga 08/03/2024.*

### **LANGKAH 2 (Penyertaan melalui WhatsApp sahaja):**

- (1) Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png Resit/Invois lengkap dengan Butiran Resit/Invois. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. Muat naik gambar/imej ke borang web dan hantar.
- (2) Hantar Imej melalui WhatsApp ke **6018 322 8875**  
([https://api.whatsapp.com/send/?phone=60183228875&text&type=phone\\_number](https://api.whatsapp.com/send/?phone=60183228875&text&type=phone_number))

&app\_absent=0) dari mana-mana nombor telefon bimbit yang didaftarkan di Malaysia.

- (3) Anda akan menerima mesej autobalas yang akan mengarahkan anda untuk menyerahkan Nama Penuh dan No Pengenalan anda (Butiran Peribadi) serta-merta mengikut format: **NIC#NAMA PENUH#NO PENGENALAN** untuk melengkapkan penyertaan dan penyerahan penyertaan anda (Penyertaan).  
Contoh: Taip: *NIC#ADAM BIN AHMAD#010801145895* dan hantar.
- (4) Anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan, dan semua Penyertaan berikutnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan sebelumnya.
- (5) Penganjur akan menghantar auto-balas mesej perakuan untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima oleh setiap nombor mudah alih sahaja.

**Sila simpan imej invois dipotong untuk menunjukkan hanya maklumat yang diperlukan SAHAJA supaya butiran imej dapat dibaca apabila dimuat naik melalui WhatsApp.**

Resit/Invois: Resit/Invois boleh didapati dalam bentuk resit/invois bercetak dari sistem point-of-sale dan/atau resit/invois bertulis untuk pembelian dalam outlet dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit/Invois perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.  
Resit /Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor Resit, nama dan/atau logo outlet (Butitan Resit).

Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan dan kelayakan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau Imej yang mengandungi lebih daripada satu (1) Resit. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.

Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Resit asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.

**S2: Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai promosi ini?**

J: Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai promosi ini di:

<http://dearnestle.com.my/eat-nestle-ice-cream-and-win-every-week-contest>

**S3: Bolehkah saya menghantar lebih daripada 1 penyertaan?**

J: Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan namun **setiap resit/invois unik HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan sama ada melalui Laman Web atau melalui WhatsApp.**

Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau Imej yang mengandungi lebih daripada satu (1) Resit/Invois.

**S4: Adakah saya akan menerima balasan pemberitahuan selepas menghantar penyertaan saya?**

J: Ya.

Penganjur akan menghantar auto-balas mesej perakuan untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima oleh setiap nombor mudah alih sahaja.

**S5: Apakah umur penyertaan layak dan kelayakan penyertaan?**

J: Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi (15/01/2024). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.

**S6: Apakah tempoh Promosi dan tarikh tutup penyertaan?**

J: Promosi bermula jam 00:00:00 pada 15/01/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 08/03/2024.

Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 08/03/2024. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.

**S7: Adakah had kepada jumlah nombor bersiri yang boleh saya terima dalam satu resit?**

J: Terdapat had pada nombor bersiri yang boleh diterima dalam satu resit.

RM6 akan diberi 1 Nombor Bersiri.

Setiap resit/invois original terhad kepada 30 Nombor Bersiri.

**S8: Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?**

J: Hadiah-hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini adalah:

JENIS HADIAH MINGGUAN	PENERANGAN HADIAH
<b>HADIAH UTAMA</b> x1 pemenang x8 minggu Jumlah: 8 pemenang	Satu (1) YAMAHA Motorbike Y15ZR [OTR]  <i>Hadiah Utama adalah termasuk kos untuk pendaftaran standard, cukai jalan dan insurans. Sebarang yuran tambahan dan/atau fi rampaian, kos dan/atau perbelanjaan yang akan ditanggung berkaitan dengan menggunakan dan/atau mengekalkan Hadiah Utama hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh dan adalah tanggungjawab pemenang Hadiah Utama sepenuhnya</i>
<b>HADIAH PERTAMA</b> x1 pemenang x8 weeks Jumlah: 8 pemenang	Satu (1) Samsung Galaxy Watch6 40mm
<b>HADIAH SAGU HATI</b> x9 pemenang x8 minggu Jumlah: 72 pemenang	Satu (1) JBL Wave Beam TWS True Wireless In-Ear Fon Kepala (Black)

**S9: Apakah tempoh mingguan bagi promosi ini?**

J: Lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:

Minggu 1: 15/01/2024 – 21/01/2024

Minggu 3: 29/01/2024 – 04/02/2024

Minggu 5: 12/02/2024 – 18/02/2024

Minggu 7: 26/02/2024 – 03/03/2024

Minggu 2: 22/01/2024 – 28/01/2024

Minggu 4: 05/02/2024 – 11/02/2024

Minggu 6: 19/02/2024 – 25/02/2024

Minggu 8: 04/03/2024 – 08/03/2024

**S10: Bagaimana anda memilih Pemenang-Pemenang?**

J: Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur. Imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca dan Penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta untuk sebarang Penyertaan yang dibatalkan.

Penganjur akan susun kira semua penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri bagi penyertaan yang layak yang diterima mengikut tarikh dan masa yang diterima sepanjang Tempoh Promosi.

Pemenang Hadiah Sagu Hati Mingguan: Jumlah nombor bersiri yang layak yang diperuntukkan untuk setiap minggu sepanjang tempoh promosi akan dibahagikan dengan 9 untuk memperoleh nombor bersiri kemenangan untuk **finalis Hadiah Sagu Hati Mingguan**. Nombor bersiri kemenangan akan menjadi nombor keseluruhan yang paling hampir, yang lebih rendah dihasilkan selepas pembahagian yang dilakukan.

Pemenang-pemenang Hadiah Utama Mingguan & Hadiah Pertama Mingguan: Jumlah nombor bersiri yang layak yang diperuntukkan setiap minggu sepanjang tempoh promosi akan dibahagikan dengan 2 untuk memperoleh nombor bersiri kemenangan untuk **finalis Hadiah Utama Mingguan & Hadiah Pertama Mingguan**. Nombor bersiri kemenangan akan menjadi nombor keseluruhan yang paling hampir, yang lebih rendah dihasilkan selepas pembahagian yang dilakukan.

Hadiah Utama Mingguan: Nombor bersiri pertama akan dipilih sebagai **finalis Hadiah Utama Mingguan**.

Hadiah Pertama Mingguan: Nombor bersiri kedua akan dipilih sebagai **finalis Hadiah Pertama Mingguan**.

**S11: Bagaimana anda menentukan Pemenang-Pemenang?**

J: Pengajur akan menghubungi semua Finalis **melalui WhatsApp (6018 322 8875)** menerusi nombor telefon bimbit yang diterima oleh Pengajur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Pengajur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Pengajur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Pengajur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi melalui WhatsApp atas apa jua sebab.

Sekiranya anda berasa ragu-ragu apabila menerima mesej WhatsApp, peserta boleh menghubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk kepastian.

**S12: Berapa banyak hadiah yang boleh dimenangi oleh setiap peserta sepanjang tempoh promosi?**

J: Setiap peserta hanya boleh memenangi:

JENIS HADIAH	JUMLAH HADIAH YANG BOLEH DIMENANGI
HADIAH SAGU HATI MINGGUAN	Satu (1)
HADIAH PERTAMA MINGGUAN	Satu (1)
HADIAH UTAMA MINGGUAN	Satu (1)

**S13: Bagaimana saya akan tahu jika saya telah menang?**

J: Seperti yang dinyatakan dalam S11, Finalis akan menerima mesej WhatsApp untuk sesi soal jawab dan mesti menjawab 1 soalan dengan betul dalam masa yang ditetapkan untuk memenangi hadiah mereka.

Selepas pengesahan pemenang, Pengumuman Pemenang akan dipaparkan di laman web Penganjur: <http://dearnestle.com.my/eat-nestle-ice-cream-and-win-every-week-contest> dari 09/02/2024 dan pengumuman pemenang yang lengkap menjelang 31/03/2024.

**S14: Bagaimana untuk mendapatkan Hadiah saya?**

J: Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp dari **6018 322 8875** ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak.

Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran yang diperlukan dan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut.

**HADIAH PERTAMA MINGGUAN & HADIAH SAGU HATI MINGGUAN:** Semua Hadiah Pertama dan Hadiah Sagu Hati akan dihantar melalui kurier ke alamat yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.

**HADIAH UTAMA MINGGUAN:** Surat pemenang berkenaan hadiah yang dimenangi akan dihantar ke alamat pemenang yang diberikan kepada Penganjur melalui WhatsApp dalam masa 6-8 minggu setelah promosi ditamatkan. Pemenang juga akan dihubungi oleh pembekal yang berkaitan untuk penebusan hadiah. Semua Pemenang Hadiah Utama Mingguan hendaklah dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri

dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab ke atas yuran rampai dan caj yang diperlukan oleh Pemenang untuk menggunakan Hadiah yang dimenangi.

**SEMUA hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur untuk kutipan hadiah akan dibatalkan.**

**Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.**

**S15: Siapa yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut?**

J: Anda boleh hubungi talian Khidmat Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433 untuk sebarang bantuan yang diperlukan.

**PERHATIAN:**

**Pengguna digalakkan untuk memeriksa dan membaca Terma & Syarat Promosi di laman web secara berkala untuk syarat tambahan seperti yang dinyatakan di bawah:**

**Terma & Syarat Promosi:**

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).